

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH)

TARIKH : 30.10.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status inisiatif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam menempatkan pegawai integriti di setiap kementerian bagi memastikan perancangan program dan projek Kerajaan mematuhi panduan pencegahan rasuah negara.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 1.9.2014 sebanyak 523 agensi telah menubuhkan Unit Integriti. Manakala jumlah pegawai SPRM yang telah ditempatkan di Unit Integriti Agensi adalah sebanyak 37 orang pegawai.

Sehingga April 2014 melalui pelaporan Unit Integriti yang pertama, sebanyak 50 kes berunsur jenayah telah dirujuk kepada agensi penguatkuasa. Selain daripada ini, terdapat peningkatan sebanyak 62 kes yang dirujuk kepada Lembaga Urusetia Tatatertib untuk tindakan. Terdapat peningkatan penyelesaian sebanyak 685 kes bagi kes-kes prosiding Lembaga Tatatertib. Jumlah aduan yang diterima berkaitan salah laku dan pelanggaran integriti juga telah meningkat sebanyak 1010 aduan. Begitu juga sebanyak 40 cadangan dasar baru/penambahbaikan kepada dasar sedia ada telah dikemukakan. Sebanyak 74 pemeriksaan pematuhan ke atas dasar hal-hal penginstitusian integriti telah dijalankan sementara 132 aktiviti pengukuhan integriti telah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih